



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GOLONGAN RENTAN: BAYI DAN KANAK-KANAK: FOKUS UTAMA BAGI SAMBUTAN HARI KESELAMATAN PESAKIT SEDUNIA TAHUN 2025

Kota Kinabalu, 18 September 2025

Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia disambut pada 17 September setiap tahun dan pada tahun 2025, sambutan Peringkat Kebangsaan diadakan pada hari ini bertempat di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah. Sambutan kali ini dianjurkan secara bersepadu oleh Unit Pengurusan Risiko Pesakit, Cawangan Pengurusan Risiko dan Survelan Klinikal, Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Sabah.

Objektif sambutan pada tahun ini adalah untuk **meningkatkan dan memperkasa kesedaran dan pengetahuan selain memperkukuh komitmen semua pihak terhadap keselamatan pesakit** dalam sistem penjagaan kesihatan khususnya mereka yang dikategorikan sebagai **golongan rentan** dan pada tahun ini fokus utama adalah **bayi dan kanak-kanak**.

Perasmian sambutan ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan. Dalam ucap tama, YB menegaskan komitmen KKM terhadap **agenda keselamatan pesakit** dan ini merupakan langkah Kerajaan **menyahut seruan** pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

WHO pada tahun ini telah menetapkan **tema** sambutan adalah **"Safe care for every newborn and every child"** dengan **slogan "Patient safety from the start!"**. Tema ini memberi fokus kepada keperluan dalam **memastikan penjagaan yang selamat dan berkualiti tinggi** kepada setiap bayi dan kanak-kanak sejak permulaan kehidupan mereka iaitu **sejak dalam kandungan lagi**.

Seminar yang diadakan sebagai pengisian sambutan pada hari ini menghimpunkan hampir seramai **180 orang peserta secara fizikal**. Selain itu, sambutan ini turut disiarkan secara langsung melalui Laman Facebook Jabatan Kesihatan Negeri Sabah untuk memastikan capaian yang lebih meluas dan mensasarkan bukan sahaja warga sektor awam tetapi juga warga kerja sektor swasta.

Sambutan pada tahun ini membuka ruang kepada para peserta mengikuti pembentangan daripada pakar-pakar perubatan berkaitan keselamatan pesakit, dengan fokus khusus pada keselamatan bayi dan kanak-kanak. Topik-topik yang dibincangkan **merangkumi penjagaan kehamilan yang selamat, pengurusan klinikal serta resusitasi neonatal dan kanak-kanak, dan juga peranan vaksin bagi memastikan penjagaan keselamatan kanak-kanak**. Sesi ini menyediakan platform berharga untuk perbincangan interaktif dan perkongsian ilmu pengetahuan.

KKM akan terus memberikan komitmen terhadap keselamatan pesakit demi memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan inklusif kepada masyarakat. Ini seiring dengan nilai MADANI - *Kesejahteraan, Kemampanan dan Ihsan*.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Perkembangan Perubatan
Melalui:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesihatan Malaysia

